

Nabil Basaruddin  
nabilbasaruddin@-  
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**B**ank Negara Malaysia (BNM) melaksanakan dua penambahbaikan kepada kriteria dan ciri kelayakan Dana Rumah Mampu Milik berjumlah RM1 bilion yang dilancarkan pada Januari tahun ini.

Penambahbaikan berkenaan adalah usaha BNM membantu golongan B40 untuk memiliki rumah pertama berkuat kuasa pada 1 September depan.

Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus berkata, usaha yang pertama adalah meningkatkan kelayakan pemohon warga Malaysia dengan pendapatan maksimum bulanan isi rumah daripada RM2,300 kepada RM4,360.

Beliau berkata, langkah kedua pula adalah meningkatkan had harga maksimum rumah layak dibiayai daripada RM150,000 kepada RM300,000.

Menurutnya, perubahan itu juga adalah selaras dengan definisi harga rumah mampu milik dalam Dasar Perumahan Mampu Milik Negara.

"Peruntukan dana khas sebanyak RM1 bilion yang dilancarkan pada awal tahun ini akan membantu kumpulan berpendapatan rendah membiaya pembelian rumah pertama.

"Sebagai langkah tamba-



NOR Shamsiah (dua dari kanan) melawat pameran selepas majlis pelancaran MyKNP, semalam.

han untuk membantu golongan sasaran ini memiliki rumah pertama mereka, bank pusat mengambil langkah penambahbaikan kepada kriteria dana ini," katanya pada majlis pelancaran MyKNP, semalam.

Selain dua kriteria kelayakan itu, syarat lain bagi

permohonan dana itu kekal sama seperti sebelum ini seperti tiada rekod pembiayaan terjejas untuk tempoh 12 bulan lalu, bekerja makan gaji atau bekerja sendiri dan penjamin tunggal atau bersama.

Antara bank yang terbabit dengan dana khas itu adalah

AmBank, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Maybank dan RHB Bank dengan kadar pembiayaan maksimum sebanyak 3.5 peratus setahun dan tempoh pembiayaan sehingga 40 tahun.

Sementara itu, Penolong Gabenor BNM, Adnan Zaylani Mohamad Zahid berkata,

sejak dana khas itu dilancarkan, BNM menerima 700 permohonan daripada kumpulan yang disasarkan.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 296 pemohon berjaya mendapatkan pembiayaan dana yang diluluskan bernilai RM31 juta, 94 permohonan ditolak dan sele-

bilunya masih diproses.

"Kami berharap, dengan adanya usaha tambah baik terhadap kriteria kelayakan itu, ia akan memberi peluang lebih banyak kepada golongan B40 untuk membeli dan memiliki rumah sendiri pada masa hadapan," katanya.